

01 JUN 1998

AGONG UCAP TAHNIAH KEPADA PRESIDEN ITALI

KUALA LUMPUR, 1 Jun (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar menghantar perutusan tahniah kepada Presiden Itali Oscar Luigi Scalfaro sempena ulangtahun ke-52 Hari Kebangsaan Itali.

Menurut kenyataan Wisma Putra di sini, Seri Paduka melahirkan harapan agar hubungan dan kerjasama yang sedia terjalin di antara Malaysia dan Itali dapat ditingkatkan di masa akan datang.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad juga menghantar perutusan kepada rakan sejawatannya dari Itali, Romano Prodi.

Dr Mahathir berharap Itali akan terus menikmati keamanan, kemajuan dan kemakmuran di tahun-tahun akan datang dan kedua-dua negara akan terus bekerjasama bagi meningkatkan lagi hubungan.

Menteri Luar Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, dalam perutusannya kepada Menteri Luar Itali Lamberto Dini, berkata Malaysia berharap dapat mengukuhkan lagi hubungan dua hala dengan Itali dan memperluaskan kerjasama dalam pelbagai bidang yang mempunyai kepentingan bersama.

-- BERNAMA

AFY NN